

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN INSENTIF WLAYAH	
TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018	MUKASURAT : 1/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
1.	Bayaran Insentif Wilayah	<p>Elaun yang dibayar kepada seseorang Pegawai Perkhidmatan Awam yang bertukar Wilayah</p> <p>TAKRIFAN</p> <p>GRED</p> <p>Gred gaji yang ditetapkan di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976), Sistem Saraan Baru (SSB), dan Sistem Saraan Malaysia (SSM).</p> <p>PEGAWAI</p> <p>Seseorang pegawai tetap/sementara di dalam Perkhidmatan Awam termasuk anggota dalam Perkhidmatan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia. Pegawai yang bertukar wilayah ertinya :</p> <ul style="list-style-type: none">i. Pegawai yang berasal dari Sabah (termasuk Labuan) atau Sarawak yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Semenanjung ; atauii. Pegawai yang berasal dari Semenanjung yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Sabah (termasuk Labuan) atau Sarawak; atauiii. Pegawai yang berasal dari Sabah (termasuk Labuan) yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Sarawak dan pegawai yang berasal dari Sarawak yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Sabah (termasuk Labuan).	<p>Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 Lampiran C8 Penetapan Kelayakan Serta Kadar Dan Kemudahan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia</p>

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN INSENTIF WLAYAH

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 2/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Bayaran Insentif Wilayah	<p>BERASAL Berasal ditentukan berasaskan asal pegawai dengan memberi perhatian kepada asal ibu dan bapa pegawai, iaitu:</p> <p>i. Pegawai dan ibu bapa yang dilahirkan di Wilayah yang sama dianggap berasal dari Wilayah berkenaan; ii. Pegawai yang ibu bapanya dilahirkan di Wilayah yang sama dianggap berasal dari Wilayah atau tempat lahir ibu bapanya; dan iii. Pegawai yang ibu bapanya dilahirkan di Wilayah yang berbeza boleh memilih untuk menentukan Wilayah asalnya berdasarkan tempat lahir ibu atau bapanya</p> <p>1.0 Pastikan Tuntutan Bayaran Insentif Wilayah dan dokumen sokongan berikut disertakan :</p> <p style="padding-left: 40px;">1.1 Borang Tuntutan Bayaran Insentif Wilayah</p> <p style="padding-left: 40px;">1.2 Penyata perubahan mengenai pendapatan seseorang pegawai (Kew 8-Pin.10/96).</p> <p style="padding-left: 40px;">1.3 Sijil Kelahiran Ibu atau Bapa Pegawai</p> <p style="padding-left: 40px;">1.4 Sijil Kelahiran Pegawai</p> <p style="padding-left: 40px;">1.5 Surat akuan Sumpah (Bagi tujuan mengistiharkan wilayah yang dipilih samada mengikut wilayah asal ibu atau wilayah asal bapa)</p>	<p>Lampiran A</p> <p>Lampiran B</p> <p>Lampiran C</p> <p>Lampiran D</p> <p>Lampiran E</p>

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

TAJUK : BAYARAN INSENTIF WLAYAH

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 3/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Bayaran Insentif Wilayah	<p>2.0 Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan & memenuhi syarat berikut :-</p> <p>2.1 Tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima;</p> <p>2.2 Baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan dan baki peruntukan semasa adalah mencukupi;</p> <p>2.3 Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan perbendaharaan disertakan.</p> <p>3.0 Pegawai Yang layak</p> <p>Pegawai yang layak menerima Bayaran Insentif Wilayah adalah seperti berikut :</p> <p>3.1 Pegawai yang berasal dari Sabah, Sarawak atau Labuan yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Semenanjung.</p> <p>3.2 Pegawai yang berasal dari Semenanjung yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Sabah, Sarawak atau Labuan.</p> <p>3.3 Pegawai dari Sabah, Sarawak atau Labuan yang bertukar di antara negeri-negeri itu.</p>	Arahan Perbendaharaan 58(a)

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN INSENTIF WLAYAH

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 4/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan														
	Bayaran Insentif Wilayah	<p>4.0 Pegawai Yang Tidak layak</p> <p>Pegawai yang tidak layak menerima Bayaran Insentif Wilayah adalah seperti berikut :</p> <p>4.1 Pegawai yang menerima Bantuan Sara Hidup (COLA)</p> <p>4.2 Pegawai yang berkursus lebih dari 3 bulan, sama ada di dalam atau di luar negeri.</p> <p>5.0 Kadar Kelayakan Pegawai</p> <table border="1"><thead><tr><th>Lingkungan Gaji (termasuk Elaun Pemangkuan)</th><th>Peratus</th></tr></thead><tbody><tr><td>RM951.34 ke bawah</td><td>25.0%</td></tr><tr><td>RM951.34 - RM1,329.73</td><td>22.5%</td></tr><tr><td>RM1,329.73 - RM2,015.73</td><td>20.0%</td></tr><tr><td>RM2,015.73 – RM 4,029.63</td><td>17.5%</td></tr><tr><td>RM 4,029.63 – RM 6,289.13</td><td>15.0%</td></tr><tr><td>RM 6,289.13 – RM 999,999.00</td><td>12.5%</td></tr></tbody></table>	Lingkungan Gaji (termasuk Elaun Pemangkuan)	Peratus	RM951.34 ke bawah	25.0%	RM951.34 - RM1,329.73	22.5%	RM1,329.73 - RM2,015.73	20.0%	RM2,015.73 – RM 4,029.63	17.5%	RM 4,029.63 – RM 6,289.13	15.0%	RM 6,289.13 – RM 999,999.00	12.5%	Lampiran I Pekeliling Perkhidmatan Bil 1 Tahun 2012
Lingkungan Gaji (termasuk Elaun Pemangkuan)	Peratus																
RM951.34 ke bawah	25.0%																
RM951.34 - RM1,329.73	22.5%																
RM1,329.73 - RM2,015.73	20.0%																
RM2,015.73 – RM 4,029.63	17.5%																
RM 4,029.63 – RM 6,289.13	15.0%																
RM 6,289.13 – RM 999,999.00	12.5%																

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PROSEDUR KERJA
SENARAI SEMAK PEMBAYARAN

TAJUK : BAYARAN INSENTIF WLAYAH

TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018

MUKASURAT : 5/5

Bil	Perkara	Maklumat Yang Perlu Disemak	Rujukan
	Bayaran Insentif Wilayah	6.0 KOD OBJEK Kod Objek yang dipertanggungkan ialah 12199 - tahun semasa 12699 - tahun lepas	Pekeliling Perbendaharaan 1PP – PS 1.1 (Penjenisan Kod Bagi Hasil dan Perbelanjaan)

Lampiran A